LUKE NNAEMEKA UGWU lwn. PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
AZIAH ALI HMR
MOHD ZAWAWI SALLEH HMR
ABDUL RAHMAN SEBLI HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: B-05-79-03-2015]
31 DISEMBER 2015

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 – Seksyen 39B(1)(a) – Pengedaran dadah berbahaya – Methamphetamine seberat 725.4g dijumpai dalam bagasi tertuduh – Tertuduh disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati – Rayuan – Sama ada tertuduh diberi perbicaraan adil – Sama ada tertuduh diberi masa yang mencukupi untuk membuat pembelaan berkesan – Sama ada terdapat percanggahan material tentang warna bagasi oleh saksi pendakwaan dan borang bongkar – Sama ada sabitan dan hukuman selamat*

PROSEDUR JENAYAH: *Sabitan dan hukuman – Rayuan – Sama ada tertuduh diberi perbicaraan adil – Sama ada tertuduh diberi masa yang mencukupi untuk membuat pembelaan berkesan – Sama ada terdapat percanggahan material tentang warna bagasi oleh saksi pendakwaan dan borang bongkar – Sama ada sabitan dan hukuman selamat*

Ketika PW4 dan PW5 bertugas di Balai Ketibaan Antarabangsa, Terminal Utama Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, PW4 telah mengarahkan seorang lelaki Afrika ('perayu') untuk mengimbas bagasinya yang berwarna kelabu ('eks. P13'). Hasil imbasan menunjukkan imej berwarna hijau di bahagian tengah bagasi tersebut. Selepas pemeriksaan lanjut, PW5 menjumpai empat bungkusan kertas karbon berwarna gelap yang mengandungi bahan disyaki dadah. Perayu dan barang-barang kes diserahkan kepada PW6 untuk tindakan lanjut. Setelah dianalisis, bahan tersebut disahkan oleh ahli kimia ('PW3') sebagai methamphetamine seberat 725.4g. Perayu, oleh itu, dipertuduh mengedar dadah, satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Di akhir perbicaraan, hakim bicara memutuskan bahawa pihak pembelaan gagal membangkitkan apa-apa keraguan munasabah atas kes pendakwaan. Mahkamah mensabitkan perayu dan menjatuhkan hukuman mati mandatori. Oleh itu, rayuan ini. Dalam rayuan, perayu mengemukakan isu-isu, antara lain, bahawa: (i) hak perayu untuk mendapat satu perbicaraan adil telah dikompromi apabila hakim bicara tidak membenarkan permohonan penangguhan oleh peguambela perayu untuk membuat persediaan wajar bagi membolehkan pembelaan berkesan diberi kepada perayu; (ii) hakim bicara lebih mengutamakan bilangan pelupusan kes daripada memastikan perayu mendapat pembelaan berkesan; dan (iii) terdapat percanggahan material

A antara keterangan saksi-saksi pendakwaan yang menyatakan bahawa bagasi berwarna kelabu dan borang bongkar yang menyatakannya sebagai biru/coklat.

Diputuskan (menolak rayuan; mengesahkan sabitan dan hukuman) Oleh Mohd Zawawi Salleh HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

B

(1) Tiada 'hard and fast rule' boleh ditetapkan mengenai masa yang mencukupi yang perlu diberikan antara masa pelantikan peguambela dan masa perbicaraan kes. Ini banyak bergantung pada keadaan yang wujud dalam satu-satu kes. Ia juga harus diimbangi dengan keperluan untuk melupuskan kes-kes jenayah seberapa cepat yang boleh tanpa mengkompromikan keadilan. Hak untuk mendapatkan perbicaraan adil merangkumi hak untuk mendapatkan perbicaraan yang cepat dan tidak tertangguh tanpa apa-apa sebab yang munasabah, terutama dalam kes-kes yang tidak boleh dijamin. (perenggan 22 & 23)

C

D **(2)** Perayu tidak dinafikan haknya untuk mendapat perbicaraan adil dan saksama. Di Mahkamah Tinggi, perayu tidak pernah bila-bila masa, sama ada semasa perbicaraan atau dalam hujahannya, membangkitkan isu bahawa perayu telah dinafikan haknya untuk perbicaraan adil atas alasan bahawa masa yang diberi untuk menyediakan pembelaan tidak mencukupi. Isu ini hanya dibangkitkan di peringkat rayuan. Oleh itu, aduan ini satu rungutan yang difikirkan terkemudian. (perenggan 24 & 26)

E

(3) *Corpus delicti* hal perkara pertuduhan ialah dadah berbahaya yang dijumpai di dalam beg dan bukan beg itu sendiri. Identiti mengenai dadah berbahaya tidak dipertikaikan oleh perayu. Rantaian keterangan mengenai ekshibit-eskhibit tidak terputus semenjak ia dirampas sehinggalah ia dihantar untuk analisis dan seterusnya dikemukakan di mahkamah. Perbezaan warna adalah perkara persepsi. Saksi-saksi mempunyai pemerhatian dan tanggapan berlainan terhadap sesuatu benda, terutamanya warna. (perenggan 31)

F

G

(4) Tanpa keterangan yang boleh menunjukkan bahawa ekshibit-ekshibit tersebut telah ditukar, diubah dan/atau diganti dan juga tiada keterangan yang boleh menunjukkan motif jahat dalam kalangan saksi-saksi pendakwaan yang mengendalikan ekshibit-ekshibit tersebut, anggapan keteraturan dalam pelaksanaan tugas rasmi pegawai-pegawai berkenaan terpakai (s. 114(e) Akta Keterangan 1950). Anggapan tersebut hanya boleh dipatahkan sekiranya terdapat keterangan kukuh yang menunjukkan bahawa PW3, PW4, PW5 dan PW6 telah dipengaruhi oleh motif tidak wajar. (perenggan 35)

H

I ***English*** *Headnotes*

While PW4 and PW5 were on duty at the International Arrival Hall, Main Terminal of Kuala Lumpur International Airport, PW4 instructed an African man ('the appellant') to scan his grey luggage ('exh. P13'). The scan

revealed a green image in the middle of the luggage. Upon further examination, PW5 found four packages of dark carbon papers containing substance suspected to be drugs. The appellant and the substance were there delivered to PW6 for further action. Upon analysis, the substance was confirmed by the chemist ('PW3') to be 725.4g of methamphetamine. The appellant was therefore charged with trafficking in the said dangerous drugs, an offence under s. 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA'). At the conclusion of the trial, the trial judge found that the defence failed to raise any reasonable doubt on the prosecution's case. The court convicted the appellant and sentenced him to the mandatory death sentence. Hence, the present appeal. During appeal, the appellant submitted on issues, *inter alia*, that: (i) the appellant's right for a fair and impartial trial had been compromised when the trial judge dismissed the appellant's counsel's application for an adjournment to make the necessary preparations to enable an effective defence to be made for the appellant; (ii) the trial judge had given priority to the number of cases to be disposed rather than ensuring that the appellant was given an effective defence; and (iii) there were material discrepancies between the evidence of the prosecution witnesses who said that the luggage was grey in colour and the seizure form which stated the colour as blue/brown.

Held (dismissing appeal; affirming conviction and sentence)
Per Mohd Zawawi Salleh JCA delivering the judgment of the court:

(1) There is no hard and fast rule applicable on the sufficiency of time that should be given between the appointment of a counsel and the time of trial. It depends on the circumstances prevailing in each case. It must also be balanced with the need to dispose of criminal cases as expeditiously as possible without compromising justice. The right to a fair trial includes the right to a speedy trial and one which is not delayed without any reasonable cause, especially in non-bailable cases.

(2) The appellant was not denied of his right to a fair trial. The appellant did not, at any time, raise the issue that he was denied his right to a fair trial on grounds of insufficient time given to him to prepare his defence in the High Court. This issue was only raised on appeal. Thus, this complaint was merely an afterthought.

(3) The *Corpus delicti* of the charge was dangerous drug that was found in the bag and not the bag itself. The identity of dangerous drugs was not disputed by the appellant. There was no break in the chain of evidence as to the exhibits from the time of seizure until it was sent for analysis and subsequent presentation to the court. The difference in colour was a matter of perception. Witnesses have different observations and assumptions towards an item, especially so in terms of colour.

(4) In the absence of evidence which could show that the exhibits were changed, altered and/or replaced and the absence of evidence which could indicate malicious motive on the part of prosecution witnesses who handled the exhibits, the presumption of regularity in the execution of official duties by the officers concerned applied (s. 114(e) of the Evidence Act 1950). The presumption was only rebuttable if there was strong evidence to show that PW4, PW5, PW6 and PW3 had been impelled by improper motives.

Kes-kes yang dirujuk:

Azahan Mohd Aminallah v. PP [2005] 1 CLJ 374 CA ***(dirujuk)***
Cheak Yoke Thong v. PP [1984] 1 LNS 29 HC ***(dirujuk)***
Chiew Thien Leng v. PP [2014] 1 LNS 347 CA ***(dirujuk)***
Dr Mohd Nasir Hashim v. Menteri Dalam Negeri Malaysia [2007] 1 CLJ 19 CA ***(dirujuk)***
Ganapathy Rengasamy v. PP [1998] 2 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***
Goi Ching Ang v. PP [1999] 1 CLJ 829 FC ***(dirujuk)***
Jarrod Rags v. Magistrate's Court of Victoria [2008] 2 VSC 1 ***(dirujuk)***
Law Sie Hoe v. PP [2014] 1 LNS 269 CA ***(dirujuk)***
Lee Kwan Woh v. PP [2009] 5 CLJ 631 FC ***(dirujuk)***
Madheshwardhari Singh & Anor v. State of Bihar [1986] Cri LJ 1771 ***(dirujuk)***
Mathai Thommen v. State AIR 1959 Ker 241 ***(dirujuk)***
PP v. Choo Chuan Wang [1992] 2 CLJ 1242; [1992] 3 CLJ (Rep) 329 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Fazil Awaludin [2009] 2 CLJ 862 HC ***(dirujuk)***
R v. Stinchombe [1991] 68 CCC (3rd) I ***(dirujuk)***
Tan Hun Wah v. PP & Another Appeal [1994] 2 CLJ 180 SC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Procedure Code, s. 173(b)
Dangerous Drugs Act 1952, s. 39B(1)(a), (2)
Evidence Act 1950, s. 114(e)
Federal Constitution, art. 5(1)

Bagi pihak perayu - K Viknesvaran; T/n Viknes Ratna & Co
Bagi pihak responden - Asmah Musa; TPR

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Shah Alam; Rayuan Jenayah No: 45A-244-10-2012 (disahkan)]

Dilaporkan oleh Sandra Gabriel

PENGHAKIMAN

Mohd Zawawi Salleh HMR:

Pendahuluan

[1] Rayuan ini ialah terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam bertarikh 20 Mac 2015 yang mensabitkan perayu atas pertuduhan mengedar methamphetamine seberat 725.4g, satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB 1952) yang boleh dihukum di bawah s. 39B(2) ADB 1952.

[2] Di akhir pendengaran rayuan, kami menolak rayuan yang dikemukakan kerana mendapati ia tidak bermerit. Kami mengekalkan dan mengesahkan sabitan dan hukuman yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi.

[3] Kini kami menzahirkan alasan-alasan terperinci keputusan.

Pertuduhan

[4] Pertuduhan yang dikemukakan terhadap perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu, pada 15 Mei 2012, lebih kurang jam 9.45 malam di Cawangan Pemeriksaan Penumpang 1 (CPP1), Balai Ketibaan Antarabangsa, Terminal Utama Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, di dalam Daerah Sepang, dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu Methamphetamine seberat 725.4 gram, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a), Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) Akta yang sama.

Fakta Kes

Versi Pihak Pendakwaan

[5] Versi pihak pendakwaan bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) Pada 15 Mei 2012, jam lebih kurang 9.45 malam, pegawai kastam Mohd Izuwan Mohd Ali (PW5) dan Mohd Izuan Shah Abdul Jalil (PW4) menjalankan tugas mereka di Balai Ketibaan Antarabangsa, Terminal Utama Lapangan Terbang Antarabangsa (KLIA). PW4 telah mengarahkan seorang lelaki Afrika (kemudiannya dicamkan sebagai perayu) dari carousel E untuk mengimbas bagasi tarik berwarna kelabu (eks. P13) yang dibawanya di mesin pengimbas 'A';

(b) Hasil imbasan menunjukkan imej berwarna hijau di bahagian tengah bagasi tersebut. PW5 mengarahkan perayu membuka bagasinya. Setelah bagasi dibuka dan kesemua barangan dikeluarkan, PW4 dan PW5 terhidu bau yang kuat yang menimbulkan rasa curiga. PW5 melihat di bahagian dasar bagasi tersebut retak. Oleh itu, perayu dibawa ke pejabat CPPI untuk pemeriksaan lanjut;

(c) Hasil pemeriksaan lanjut, PW5 menjumpai empat bungkusan kertas karbon berwarna gelap (eks. P23-P26) yang mengandungi bahan yang disyaki dadah disembunyikan di dalam lapisan bagasi tersebut;

(d) Apabila setiap bungkusan dibuka, PW5 mendapati di dalamnya terdapat bahan kristal jernih. Setelah diuji, didapati bahan tersebut didapati positif dadah methamphetamine. Jumlah berat kasar keempat-empat bungkusan tersebut ialah 1,100g;

(e) Kemudiannya, perayu dan barang-barang kes diserahkan kepada pegawai penyiasat (PW6) untuk tindakan lanjut;

A (f) Pada 18 Mei 2012, PW6 menghantar barang-barang kes ke Jabatan Kimia Malaysia untuk dianalisis. Hasil analisis (eks. P20) yang dijalankan oleh PW3 (ahli kimia) mengesahkan dadah tersebut ialah methamphetamine seberat 725.4g; dan

B (g) Ujian DNA (eks. P76) menunjukkan bahawa DNA perayu telah dijumpai pada pakaian (eks. P68) yang terdapat dalam beg (eks. P13).

Keputusan Hakim Bicara Di Akhir Kes Pendakwaan

[6] Setelah membuat penilaian maksimum terhadap kesemua keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, hakim bicara berpuas hati C bahawa satu kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan terhadap perayu mengikut kehendak s. 173(b) Kanun Tatacara Jenayah.

[7] Hakim bicara telah menimbangkan dengan terperinci keterangan yang disandarkan dalam mencapai keputusan bahawa satu kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Intipati alasan hakim bicara D bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) Dadah berbahaya yang menjadi hal perkara pertuduhan dijumpai tersembunyi licik di dalam bagasi perayu yang telah dibawa sendiri oleh perayu secara fizikal;

E (b) Rantaian pengendalian barang kes tidak pernah terputus, bermula dari barang kes tersebut dirampas oleh PW4 dan PW5 sehinggalah ia diserahkan kepada PW6 dan kemudiannya dihantar kepada SP3 (ahli kimia), untuk dibuat analisis;

(c) PW3 mengesahkan bahawa dadah berbahaya yang dirampas tersebut F ialah 725.4g methamphetamine;

(d) Ujian DNA (eks. P76) menunjukkan perkaitan antara perayu dengan pakaian yang dijumpai di dalam bagasi tersebut;

(e) Memandangkan perayu mempunyai milikan dan kawalan fizikal G terhadap bagasi dan dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan tersembunyi di dalamnya, secara inferen, perayu mempunyai pengetahuan terhadap dadah tersebut. Keterangan menunjukkan bahawa perayu telah membawa bagasi tersebut sepanjang perjalanannya ke Malaysia pada 15 Mei 2012; dan

H (f) Fakta bahawa perayu telah membawa masuk methamphetamine seberat 725.4g ke Malaysia, iaitu suatu jumlah yang besar dan ia disorokkan secara licik di dalam begnya, bolehlah dibuat inferen bahawa sebenarnya perayu terlibat dengan pengedaran dan dadah tersebut bukannya untuk kegunaan sendiri.

I **[8]** Justeru, hakim bicara telah memanggil perayu untuk membela diri atas pertuduhan yang dikemukakan.

Versi Pihak Pembelaan

[9] Versi pihak pembelaan bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) Perayu berasal dari Nigeria. Perayu adalah seorang pelajar di Pusat Bahasa Atlantic dan mengikuti kursus Bahasa Inggeris;

(b) Pada 9 Mei 2012, perayu pulang ke Nigeria kerana bapanya sakit. Pada 10 Mei 2012, perayu membeli sebuah beg di pasar Lagos di Nigeria. Perayu memasukkan barangnya ke dalam beg yang dibelinya itu untuk perjalanan pulang ke Malaysia;

(c) Pada 15 Mei 2012, setibanya di KLIA, perayu dipanggil oleh seorang pegawai untuk mengambil satu beg (P13) untuk pengimbasan. Perayu menyatakan bahawa dia tiada pilihan dan terpaksa menurut arahan pegawai itu;

(d) Perayu menafikan P13 adalah beg yang dibeli olehnya sebelum pulang ke Malaysia. Perayu juga menafikan dadah yang ditemui dalam P13 adalah miliknya; dan

(e) Perayu tidak bekerja dan wang perbelanjaan diberikan oleh ibu bapanya melalui dua orang warga Nigeria, masing-masingnya bernama Obina dan Simpl yang kerap datang ke Malaysia untuk membeli alat ganti kereta.

Keputusan Hakim Bicara Di Akhir Kes Pembelaan

[10] Setelah memberi pertimbangan yang teliti terhadap kes pihak pendakwaan dan pembelaan yang dikemukakan oleh perayu, hakim bicara memutuskan bahawa pihak pembelaan telah gagal membangkitkan apa-apa keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan.

[11] Intipati alasan-alasan hakim bicara bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) Pembelaan perayu adalah jelas merupakan penafian semata-mata. Tiada secebis keterangan pun di pihak perayu yang boleh menunjukkan bahawa perayu tidak tahu dadah yang tersembunyi licik dalam P13 yang dia nekad cuba untuk mengelakkan daripada dikesan oleh pihak berkuasa tetapi gagal;

(b) Perayu berada dalam satu situasi untuk mengesyaki sesuatu dan dia mempunyai cukup peluang dan masa untuk memeriksa bagasi yang baru dibelinya itu sebelum berlepas ke KLIA daripada lapangan terbang di Nigeria tetapi telah memilih atau gagal untuk berbuat demikian. Oleh itu konsep kebutaan disengajakan ("wilful blindness") terpakai; dan

(c) Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah dan pihak pembelaan telah gagal membangkitkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.

[12] Justeru, mahkamah telah mensabitkan perayu dengan pertuduhan yang dikemukakan terhadapnya dan menjatuhkan hukuman mati mandatori seperti yang diperuntukkan oleh s. 39B(2) ADB 1952.

Rayuan

[13] Dalam hujah bertulis yang difailkan dan semasa mengemukakan hujah lisan di hadapan kami, peguambela terpelajar hanya membangkitkan empat isu utama untuk mencabar keputusan hakim bicara. Peguambela terpelajar tidak mencabar keputusan hakim bicara bahawa elemen-elemen kesalahan mengedar dadah berbahaya telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Isu-isu yang dikemukakan ialah seperti berikut:

(a) sama ada perayu telah diberi perbicaraan yang adil dan saksama apabila masa yang mencukupi tidak diberikan kepada peguambela perayu untuk membuat persediaan sewajarnya bagi membolehkan pembelaan berkesan dikemukakan bagi pihak perayu;

(b) sama ada terdapat percanggahan material antara keterangan PW2 yang menyatakan bahawa warna bagasi sebagai kelabu dan borang bongkar (eks. P11) yang menyatakan warna bagasi itu sebagai biru/coklat;

(c) sama ada kegagalan pihak pendakwaan untuk mendapatkan penjelasan daripada PW2 (ahli forensik) mengenai warna sebenar bagasi tersebut telah menimbulkan keraguan dalam kes pihak pendakwaan; dan

(d) sama ada terdapat percanggahan material antara keterangan PW5 dan PW6 mengenai kewujudan "pegawai ketiga" dalam rakaman CCTV (eks. P79).

Keputusan Mahkamah Ini

Isu (a)

[14] Peguambela perayu berhujah bahawa hak-hak perayu untuk mendapatkan satu perbicaraan adil dan saksama seperti yang diperuntukkan dalam per. 5(1) Perlembagaan Persekutuan telah dikompromiskan apabila hakim bicara tidak membenarkan permohonan penangguhan peguambela perayu untuk membuat persediaan sewajarnya bagi membolehkan pembelaan berkesan diberikan kepada perayu. Dihujahkan bahawa penangguhan perbicaraan selama satu minggu adalah tidak mencukupi untuk membolehkan peguambela lantikan mahkamah mendapatkan arahan daripada anak guamnya. Ini adalah kerana peguambela perlu memberi notis selama tiga hari sebelum dapat berjumpa dengan perayu di dalam penjara.

[15] Dihujahkan juga bahawa hakim bicara lebih mengutamakan bilangan pelupusan kes dari memastikan perayu mendapat pembelaan berkesan bagi suatu kes yang membawa hukuman mati.

[16] Peguambela terpelajar seterusnya berhujah bahawa prinsip "equality of arms" adalah merupakan "jantung" kepada hak seseorang tertuduh untuk mendapatkan perbicaraan adil dan saksama. Prinsip ini telah dijelaskan, antara lain, dalam kes *Jarrod Rags v. Magistrate's Court of Victoria* [2008] 2 VSC 1 apabila Mahkamah Agung Victoria menyatakan:

> [45] The Criminal trial is "an accusatory and adversarial process". The person accused is presumed to be innocent and does not have to prove or say anything. The prosecution is the accuser and, from the first to the last, carries the onus of proving each element of the offence according to the criminal standard beyond reasonable doubt. The rationale is that the general objectives of the criminal justice system – finding the truth and attributing criminal responsibility – are best achieve by a trial conducted before an independent and impartial judge, or judge and jury, in which both sides participate according to their best interests. A number of important rules of law and practice apply to regulate and moderate the adversarial nature of such a trial, but it has the appearance, and often the reality, of a ritual battle. Equality of arms is an international human rights principle that picks up the language of the battle to explain some aspects of the most important of those rules – the right to a fair trial.
>
> [46] This is the equality of arms principle, which applies to both civil and criminal trials, as stated by the European Court of Human Rights in *Foucher v. France*:
>
> > The Court reiterates … that according to the principle of equality of arms, as one of the features of the wider concept of a fair trial, each party must be afforded a reasonable opportunity to present his case on conditions that do not place him at a disadvantage *vis-à-vis* his opponent.

[17] Dalam kes *R v. Stinchombe* 1991 68 CCC (3rd) I Sopinka J berkata:

> … The right to make full answer and defence is one of the pillars of criminal justice on which we heavily depend to ensure that the innocent are not convicted.

[18] Prinsip perbicaraan adil dan saksama adalah merupakan satu konsep yang universal pemakaiannya. Di Malaysia, konsep ini telah diiktiraf oleh beberapa keputusan mahkamah. Antara keputusan-keputusan tersebut ialah *PP v. Mohd Fazil Awaludin* [2009] 2 CLJ 862; [2009] 7 MLJ 741; *Cheak Yoke Thong v. PP* [1984] 1 LNS 29; [1984] 1 MLJ 311; [1994] 1 AMR 3113; *Goi Ching Ang v. PP* [1999] 1 CLJ 829; [1999] 1 MLJ 507; *Tan Hun Wah v. PP & Another Appeal* [1994] 2 CLJ 180; [1994] 1 AMR 113; *Azahan bin Mohd Aminallah v. PP* [2005] 1 CLJ 374; [2004] 6 AMR 810; *Lee Kwan Woh v. PP* [2009] 5 CLJ 631; *Dr. Mohd Nasir Hashim v. Menteri Dalam Negeri Malaysia* [2007] 1 CLJ 19.

[19] Peguambela tepelajar melontarkan soalan: Bolehkah perbicaraan perayu di Mahkamah Tinggi dijalankan secara adil dan saksama jika masa yang diberikan kepada peguambelanya hanya satu minggu sahaja?

[20] Dalam kes *Mathai Thommen v. State* AIR 1959 Ker 241, seorang peguambela telah dilantik oleh Mahkamah Sesyen untuk membela tertuduh pada 2 Ogos 1958 dan perbicaraan bermula pada 4 Ogos 1958. Dalam mengulas pendekatan yang diambil oleh Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi membuat pemerhatian berikut:

> Practices like this would reduce to a farce the engagement of counsel under rule 21 of the Criminal Rules of Practice which has been made for the purpose of effectively carrying out the duty cast on courts of law to see that no one is deprived of life and liberty without a fair and reasonable opportunity being afforded to him to prove his innocence. We consider that in cases like this counsel should be engaged at least some 10 to 15 days before the trial and should also be furnished with copies of the records.

[21] Peguambela terpelajar perayu menegaskan bahawa memandangkan mahkamah hanya memberi masa selama seminggu kepada peguambelanya di Mahkamah Tinggi untuk membuat persediaan dan dengan mengambil kira peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Penjara, adalah mustahil untuk beliau boleh memberikan pembelaan berkesan kepada perayu. Tidak syak lagi ini merupakan satu penafian kepada hak-hak perayu untuk mendapatkan perbicaraan adil dan saksama.

[22] Kami telah memberi pertimbangan mendalam dan penuh minat terhadap hujah yang dikemukakan oleh peguambela terpelajar perayu. Pada hemat kami, tiada "hard and fast rule" boleh ditetapkan mengenai masa yang mencukupi yang perlu diberikan antara masa pelantikan peguambela dan masa perbicaraan kes. Ia banyak bergantung kepada keadaan yang wujud dalam sesuatu kes.

[23] Ia juga harus diimbangi dengan keperluan untuk melupuskan kes-kes jenayah seberapa cepat yang boleh tanpa mengkompromiskan keadilan. Hak-hak untuk mendapatkan perbicaraan adil merangkumi juga hak untuk mendapatkan perbicaraan yang cepat dan tidak tertangguh tanpa apa-apa sebab yang munasabah, terutama dalam kes-kes yang tidak boleh dijamin, seperti kes ini. Dalam kes *Public Prosecutor v. Choo Chuan Wang* [1992] 2 CLJ 1242; [1992] 3 CLJ (Rep) 329, Edgar Joseph Jr H (sebagaimana beliau ketika itu) merujuk kepada beberapa keputusan Mahkamah Agung India dan memutuskan bahawa adalah tersirat dalam per. 5(1) Perlembagaan Persekutuan bahawa seseorang tertuduh mempunyai hak untuk mendapatkan perbicaraan adil dalam masa yang munasabah di hadapan sebuah tribunal bebas, mengikut undang-undang. Beliau kemudiannya menukilkan keputusan kes *Madheshwardhari Singh & Anor v. State of Bihar* [1986] Cri LJ 1771 yang menyatakan seperti berikut:

> That, now by precedential mandate the basic human right to a speedy public trial in all criminal prosecutions has been expressly written as if with pen and ink in the constitutional right relating to life and liberty

guaranteed under Article 21 of our Constitution. Further, that this right is identical in content with the express constitutional guarantee inserted by the Sixth Amendment in the American Constitution.

That the American precedents on the Sixth Amendment of that Constitution would be equally attracted and applicable as persuasive on this facet of Article 21 of our Constitution as well.

That once the constitutional guarantee on a speedy trial and the right to a fair, just and reasonable procedure under Article 21 has been violated, then the accused is entitled to an unconditional release and the charges levelled against him would fall to the ground.

That a callous and inordinate prolonged delay of ten years or more, which, in no way arises from the accused's default (or is otherwise not occasioned due to any extraordinary and exceptional reasons), in the context of reversal of a clean acquittal-on a capital charge, would be *per se* prejudicial to the accused and would plainly violate the constitutional guarantee of a speedy trial under Article 21.

[24] Berdasarkan keadaan yang wujud dalam kes ini, kami berpendapat bahawa perayu tidak dinafikan haknya untuk mendapatkan perbicaraan adil dan saksama. Dalam kes ini, rekod rayuan mencatatkan prosiding pra-perbicaraan seperti berikut di ms. 48 Jilid. I:

Peguambela kata dia tak diberi peluang yang mencukupi untuk temuduga OKT setelah Peguambela terdahulu secara serta merta menarik diri daripada mewakili OKT. Peguambela sekarang adalah pelantikan oleh Mahkamah serta merta dan beliau **sanggup** bertindak atas notis singkat yang diberi oleh Mahkamah. Kes ini hanya ditangguhkan ke minggu hadapan bermula 7.7.14.

[25] Berdasarkan rekod rayuan tersebut, nampaknya peguambela yang dilantik oleh mahkamah sanggup bertindak atas notis singkat yang diberikan oleh mahkamah. Mahkamah telah menangguhkan tarikh perbicaraan selama satu minggu bagi membolehkan beliau menyediakan kes pembelaan di mana tarikh sebutan ialah pada 1 Julai 2014 dan perbicaraan hanya bermula pada 8 Julai 2014.

[26] Peguambela perayu di Mahkamah Tinggi tidak pernah bila-bila masa sama ada semasa perbicaraan atau dalam hujahannya membangkitkan isu bahawa perayu telah dinafikan haknya untuk perbicaraan adil dan saksama atas alasan bahawa masa yang diberikan untuk menyediakan pembelaan adalah tidak mencukupi. Isu ini hanya dibangkitkan di peringkat rayuan di hadapan kami. Kami merasa ragu bahawa rungutan ("complaint") ini merupakan satu rungutan yang ikhlas atau hanya merupakan sesuatu yang difikirkan terkemudian.

[27] Di hadapan kami, peguambela terpelajar perayu juga tidak menunjukkan bagaimana dan dalam aspek mana perbicaraan adil dan saksama terhadap perayu telah dikompromiskan akibat dari masa yang diberikan kepada peguambelanya tidak mencukupi untuk membuat

persediaan pembelaan. Rekod rayuan menunjukkan bahawa saksi-saksi pendakwaan telah diperiksa balas dengan terperinci. Perbicaraan telah dijalankan dengan mematuhi semua prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang. Persoalan sama ada peguambela yang dilantik tersebut merupakan seorang peguambela yang kompeten adalah satu persoalan lain yang tidak dibangkitkan oleh peguambela perayu di hadapan kami.

[28] Justeru, isu (a) adalah tidak bermerit dan ditolak.

Isu (b) Dan (c)

[29] Isu (b) dan (c) adalah berkaitan antara satu sama lain dan akan dibincangkan bersekali.

[30] Peguambela terpelajar perayu mempertikaikan warna beg yang dikatakan amat mengelirukan. Dalam borang bongkar (ms. 316 Jilid. 4), warna beg dinyatakan sebagai kelabu sedangkan dalam eks. P9 dinyatakan sebagai biru/coklat. Dihujahkan bahawa perbezaan ini telah tidak dijelaskan oleh saksi-saksi pendakwaan dan dengan demikian telah menimbulkan keraguan mengenai warna sebenar beg tersebut. (Lihat kes *Ganapathy Rengasamy v. PP* [1998] 2 CLJ 1; [1998] 2 MLJ 577).

[31] Hujahan ini tidak bermerit. Pertama, *corpus delicti* hal perkara pertuduhan ialah dadah berbahaya yang dijumpai di dalam beg dan bukan beg itu sendiri. Identiti mengenai dadah berbahaya tidak dipertikaikan oleh peguambela perayu. Kedua, rantaian keterangan mengenai eksibit-eskibit adalah tidak terputus semenjak ia dirampas oleh PW4 dan PW5 sehinggalah ia dihantar untuk analisis untuk ahli kimia dan seterusnya dikemukakan di mahkamah. Ketiga, perbezaan mengenai warna adalah merupakan perkara persepsi. Saksi-saksi berlainan mempunyai pemerhatian dan tanggapan berlainan terhadap sesuatu benda, terutama warna. Tambahan pula, kedua-dua warna kelabu dan biru/coklat adalah warna dikategorikan sebagai gelap.

[32] Walau apa pun jua, adalah tidak dapat dipertikaikan bahawa kesemua saksi relevan pihak pendakwaan iaitu PW5, PW6 dan PW3 telah mengecam dan mengenal pasti kesemua eksibit semasa perbicaraan berdasarkan tanda-tanda yang dibuat.

[33] Dalam kes *Law Sie Hoe v. PP* [2014] 1 LNS 269; [2014] 6 MLJ 714, mahkamah ini telah membuat pemerhatian berikut:

> This court, having considered the submissions put forth by both parties, would respectfully agree with the learned Mr deputy that there was no break in the chain of exhibits. It must be noted that all the witnesses who had put their markings on the respective exhibits had positively identified their markings in court to be theirs. Similarly on the issue of the colour of the masking tapes that pertained to the three slabs marked as G1, G2 and G3 there seemed to be a contradiction on the testimony of witnesses on the colour of the tapes used. Some said it was yellow while some said it was light brown. But we think that the learned trial judge had correctly

dealt with the matter when he ruled that it all boiled down to the matter of description and perception. Different people could describe a same item differently as regards the colour of the item and invariably it would ultimately depend on how different people would perceive that said item. In this case the witnesses for the prosecution had described the colour of the tapes differently but they were consistent in their testimony that the exhibits were the very exhibits that they were concerned with in this case. Above all else, the distinguishing features have been that their respective markings were on the very exhibits that the appellant was now challenging. This court is also guided in that regard by the recent decision of the apex court in the case of *Hasbala Mohd Sarong v. Public Prosecutor* [2013] 6 MLJ 636; [2013] 6 MLRA 1 where the learned Justice Raus Sharif PCA had, on behalf of the apex court in dismissing an appeal, ruled on a point involving the issue of the break in chain of evidence, that was not much dissimilar from the one now being considered before us.

[34] Dalam nada dan irama yang sama, dalam kes *Chiew Thien Leng v. PP* [2014] 1 LNS 347 (Rayuan Jenayah No. Q-05-43-2011), mahkamah ini menyatakan:

[15] It is accepted that there will always be discrepancies in the evidence especially on the description as to colour, shape and other details as different people observe things differently. The instances raised by learned counsel on the discrepancies in the evidence which was alleged to have caused a break in the chain of evidence and/or gap in the prosecution's case in our view are not material and more importantly they do not negate the fact that 3 plastic packets which contained the drugs were recovered from the appellant and the evidence of the prosecution witnesses as to the number of packets recovered and the fact that they were recovered from his person remained intact.

[35] Di samping itu, dengan ketiadaan keterangan yang boleh menunjukkan bahawa eksibit-eksibit tersebut telah ditukar, diubah dan/atau diganti dan juga tiada keterangan yang boleh menunjukkan motif jahat di kalangan saksi-saksi pendakwaan yang mengendalikan eksibit-eksibit tersebut, anggapan keteraturan ("regularity") dalam pelaksanaan tugas rasmi pegawai-pegawai berkenaan adalah terpakai (lihat s. 114(e) Akta Keterangan 1950). Anggapan tersebut hanya boleh dipatahkan sekiranya terdapat keterangan kukuh yang boleh menunjukkan bahawa PW4, PW5, PW6 dan PW3 telah dipengaruhi oleh motif tidak wajar ("impelled by improper motive").

[36] Justeru, isu (b) dan (c) tidak bermerit dan ditolak.

Isu (d)

[37] Hujahan peguambela terpelajar perayu di bawah isu ini adalah berdasarkan keterangan di ms. 88 Jilid. 1 rekod rayuan. Di muka surat tersebut, PW6 menyatakan: "saya lihat CCTV. Saya lihat OKT buka bagasi dan SP5 keluarkan pakaian …". Walau bagaimanapun, di ms. 93 Jilid 1, semasa pemeriksaan balas, SP6 menyatakan: "… ada kesilapan SP4 kata ini chief, pemeriksaan dibuat oleh SP4 dan SP5 but wujud pegawai ketiga dalam P79 (CCTV) kawan SP4. Dia pegawai, nama tidak tahu".

[38] Dihujahkan bahawa perkara ini telah menimbulkan misteri kerana PW4 dan PW5 tidak pernah menyebut mengenai kewujudan "pegawai ketiga" ini dan beliau tidak dipanggil untuk memberi keterangan atau ditawarkan kepada pihak pembelaan. Peguambela terpelajar melontarkan soalan: Siapakah pegawai dan apakah peranan beliau dalam kes ini. Kenapa beliau tidak dipanggil memberi keterangan atau ditawarkan kepada pihak pembelaan? Adakah pihak pendakwaan ingin menyembunyikan sesuatu?

[39] Dengan hormat, pada hemat kami isu ini hanya merupakan "ribut dalam cawan". Berdasarkan naratif kes pendakwaan, "pegawai ketiga" ini nampaknya tidak merupakan saksi yang memainkan peranan penting dalam kes ini. "Pegawai ketiga" ini hanya mengambil alih tugas dari PW5 kerana PW5 perlu membawa perayu untuk penyiasatan lanjut. Tiada lebih dan tiada kurang.

[40] Dalam rakaman CCTV (eks. P79), perayu dilihat telah mengambil eks. P13 untuk ditimbang. Mahkamah Tinggi telah menerima penjelasan pihak pendakwaan bahawa perkataan "kotak" yang tercatat di rajah kasar (eks. P36) sebenarnya adalah P13 (beg) seperti yang boleh dilihat dalam rakaman CCTV.

[41] Justeru, isu (d) adalah tidak bermerit dan ditolak.

Kesimpulan

[42] Kami berpuas hati bahawa berdasarkan keseluruhan keterangan yang dikemukakan, pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya tanpa sebarang keraguan yang munasabah. Pembelaan yang dikemukakan oleh perayu adalah merupakan penafian semata-mata yang tidak dipercayai oleh hakim bicara.

[43] Kami telah memberi pertimbangan yang mendalam terhadap hujah-hujah yang dikemukakan oleh peguambela perayu dan kami mendapati hujah-hujah tersebut tidak bermerit/tersasar dan tidak berlandaskan prinsip undang-undang yang mantap. Justeru, sabitan terhadap perayu adalah selamat.

[44] Berikutannya, kami menolak rayuan perayu dan mengesahkan serta mengekalkan sabitan dan hukuman yang dibuat oleh hakim bicara.